

**AMANAT TAHUN 2017
OLEH
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

Assalamualaikum wm. wb./Salam Sejahtera/Salam 1Statistik

Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. **Selamat Tahun Baru 2017!** Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya tahun 2016 dapat dilalui dengan jayanya. Kita akan melangkah ke tahun 2017 dengan penuh semangat dan iltizam yang tinggi untuk lebih cemerlang. Dengan rasa penuh kesyukuran saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru kepada semua warga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pengguna, responden serta komuniti statistik sekalian.
2. Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015–2020 telah melepas tahun kedua pelaksanaannya. Pada tahun lalu, DOSM telah melakar beberapa kejayaan dan pencapaian cemerlang berkat semangat kerja berpasukan dan kebertanggungjawaban yang tinggi seluruh warga Jabatan.
3. Bagi menyokong pelaksanaan Pelan Transformasi Jabatan, tiga pelan strategik turut digubal iaitu Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2016-2020, Pelan Strategik Institut Latihan Statistik Malaysia 2016-2020 dan Pelan Integriti 2016-2020. Dokumen hala tuju ini menjadi panduan kepada warga Jabatan untuk merealisasikan visi DOSM menjadi agensi statistik yang terbilang di dunia menjelang 2020.
4. Dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif di samping meningkatkan imej korporat Jabatan, DOSM telah berjaya memperoleh pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dengan cemerlang daripada MAMPU berkuatkuasa 1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2018. Selain daripada Ibu Pejabat, Jabatan Perangkaan Negeri turut memperoleh pensijilan EKSA.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Pada tahun 2016, DOSM telah melaksanakan Banci Ekonomi yang meliputi 700,000 pertubuhan di seluruh negara. Banci yang dilaksanakan pada setiap lima tahun ini mengumpul maklumat lengkap yang akan menjadi penanda aras baru struktur kegiatan ekonomi serta aktiviti perniagaan di Malaysia. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pertubuhan yang memberi kerjasama semasa proses pengumpulan data dilaksanakan oleh Jabatan.
6. DOSM turut melaksanakan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2016/2017 yang dijalankan mulai Mei 2016 akan diteruskan sehingga April 2017. Hasil penyiasatan ini akan memberi maklumat terkini pola taburan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah disamping mengenal pasti golongan miskin dan tahap kemudahan asas yang dinikmati oleh isi rumah di Malaysia. Maklumat perbelanjaan isi rumah dari penyiasatan ini juga akan digunakan dalam menentukan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) terkini yang mengukur kadar inflasi negara. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada responden terpilih yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan penyiasatan ini. Bagi mereka yang akan terpilih pada tahun ini, kerjasama anda amat diperlukan.
7. Selaras dengan keperluan semasa pengguna yang memerlukan *Small Area Statistics* seperti statistik di peringkat negeri dan daerah, DOSM telah menerbitkan produk baharu yang berimpak tinggi iaitu Statistik Borong dan Runcit mengikut Daerah Pentadbiran dalam format penerbitan dan pangkalan data interaktif. Selain itu, DOSM juga telah menerbitkan statistik baharu meliputi Inflasi Teras, Statistik Kanak-kanak, Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa dan Statistik Affiliate Asing di Malaysia mulai tahun 2016.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Pada 14 November 2016, DOSM yang mewakili kerajaan Malaysia telah memeterai perjanjian bersama *International Statistical Institute* (ISI) bagi menganjurkan *62nd World Statistics Congress of the International Statistical Institute* (ISI WSC) di Kuala Lumpur pada tahun 2019. Kongres yang akan menghimpunkan 3,000 pengamal statistik ini akan diadakan di Kuala Lumpur *Convention Centre* (KLCC) dengan anjuran bersama Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ISM) melalui sokongan Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB).
9. Sebagai usaha mempersiapkan Malaysia sebagai tuan rumah ISI WSC 2019, DOSM bersama BNM dan ISM telah menganjurkan Persidangan Statistik Kebangsaan (MyStats) 2016 pada 15 November 2016. Persidangan kali keempat ini yang bertemakan "*Strengthening Statistical Usage for Decisions and Innovation*" telah dihadiri oleh lebih 500 peserta dari dalam dan luar negara. Persidangan ini merupakan platform terbaik kepada perangkawan, penyelidik, pembuat dasar dan ahli akademik membincangkan penyusunan, inovasi dan penggunaan statistik bagi menyokong analisis dan membuat keputusan dalam persekitaran yang dinamik. Disamping itu, DOSM sentiasa menggalakkan anggotanya membentangkan kertas teknikal dalam seminar dan persidangan di peringkat nasional dan antarabangsa.
10. Sebagai inisiatif mengadaptasi pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), DOSM telah memeterai tiga lagi Memorandum Persefahaman (MoU). Pada 22 Februari 2016, MoU dimeterai bersama Universiti Putra Malaysia, disusuli bersama Pos Malaysia Berhad pada 15 Mac 2016 dan yang terkini Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 28 November 2016. Sehingga kini, sebanyak 22 MoU telah dimeterai oleh DOSM bersama institut pengajian tinggi (IPT) dan agensi lain. Melalui jalinan kerjasama ini, DOSM dapat *leverage* penggunaan data

pentadbiran yang terdapat di agensi yang menjadi rakan strategik Jabatan. Kerjasama dengan IPT pula dapat meningkatkan aktiviti penyelidikan menggunakan statistik rasmi dalam kalangan siswazah dan ahli akademia. DOSM akan terus memperluaskan jalinan kerjasama ini bersama rakan strategik lain pada tahun ini.

11. DOSM turut menjadi pusat rujukan dalam penyusunan statistik rasmi dan mendapat pengiktirafan dari agensi dalam dan luar negara. Kunjungan agensi penyelidikan swasta dan kerajaan serta pelajar IPT dapat memberi pendedahan tentang penyusunan statistik rasmi negara dalam bidang ekonomi, kependudukan dan sosial. Manakala, lawatan sambil belajar dari delegasi *National Statistical Office* (NSO) negara lain seperti Cambodia, Laos PDR, Myanmar, Viet Nam dan Bangladesh memberi ruang kepada DOSM untuk berkongsi pengalaman tadbir urus sistem statistik dan kepakaran dalam bidang khusus seperti penyusunan statistik perdagangan luar negeri dan perangkaan penting penduduk.
12. Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) yang merupakan nadi pembangunan modal insan DOSM juga telah meneruskan kecemerlangannya dengan mengendalikan tiga kursus serantau pada tahun 2016 untuk manfaat bersama NSO di rantau Asia Pasifik. Di samping itu, beberapa pegawai DOSM telah dijemput untuk berkongsi kepakaran di NSO negara lain dalam bidang *Statistical Business Register*, Statistik Perdagangan Luar Negeri, Pelaburan Langsung Asing dan Komunikasi Data (Infografik).

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. DOSM terus memanfaatkan dunia digital sebagai platform utama komunikasi statistik rasmi negara. Pada tahun 2016, sebanyak 282 penerbitan telah dimuat

naik ke portal DOSM yang boleh diakses secara percuma oleh pengguna. Mulai Mac 2016, DOSM telah memperkenalkan infografik dalam hampir kesemua produk statistik yang disiarkan. Inisiatif ini telah mendapat reaksi positif dari pelbagai pengguna khususnya Gen Y. Infografik yang disediakan dalam bentuk penceritaan ini mudah untuk dikongsikan melalui media sosial secara *viral* bagi meningkat capaian produk DOSM dan literasi statistik.

14. Setelah 18 bulan proses pembangunan, pada 30 Jun 2016 DOSM telah berjaya melancarkan *Statistics Data Warehouse* (StatsDW). StatsDW merupakan *Enterprise Data Warehouse* yang menyimpan data siri masa seawal 1974 yang disusun oleh DOSM. Prasarana ini menyediakan akses yang luas, cepat dan mudah kepada pengguna mengikut keperluan mereka. Fasiliti StatsDW ini boleh di akses secara percuma melalui portal DOSM.
15. Tirai 2016 telah dilabuhkan dengan *Kick Off* projek *Statistics Big Data Analytics* (StatsBDA) pada 2 Disember 2016, dimana DOSM akan menerokai bidang baharu dalam *Big Data* bersama Telekom Malaysia (TM). StatsBDA merangkumi enam inisiatif iaitu *Trade by Enterprise Characteristics* (TEC), *Price Intelligence* (PI), *Public Maturity Assessment on Official Statistics* (PMAOS), *Real Time Business Status* (RTBS), *BizCode@Stats Mobile Apps* dan *Real Time News on Official Statistics* (RTOS). Sistem yang dibangunkan selama 18 bulan ini akan menggunakan sumber data dengan kuantiti yang sangat besar, berkelajuan tinggi, bervariasi dan bernilai. Keberhasilan StatsBDA adalah untuk meningkatkan penggunaan pelbagai sumber data, memudahkan proses membuat keputusan berasaskan fakta serta menghasilkan produk dan perkhidmatan baharu DOSM.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Mulai 1 Januari 2017, portal rasmi Jabatan akan menggunakan alamat domain baharu iaitu www.dosm.gov.my. Pertukaran domain ini selaras dengan

penjenamaan akronim *Department of Statistics, Malaysia* (DOSM) yang lebih mudah untuk dikenali oleh pengguna dalam dan luar negara. Di samping itu, fasiliti e-Services turut dinamakan semula kepada eStatistik selaras dengan slogan Penjana Statistik Negara.

17. DOSM akan menerbitkan penerbitan mengikut sektor dan pangkalan data interaktif Banci Ekonomi 2016 yang dijadualkan seawal Jun 2017. Seterusnya Laporan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan 2016/2017 akan diterbitkan pada Oktober 2017. Statistik terkini dari kedua-dua banci dan penyiasatan ini menjadi input utama kepada Kerajaan dalam memantau keberhasilan Rancangan Malaysia Ke-11.
18. Kepelbagai produk statistik yang diterbitkan oleh DOSM akan ditingkatkan penggunaannya dalam kalangan masyarakat umum. Aktiviti komunikasi *bottom-up* dilihat sebagai satu pendekatan yang efektif bagi mewujudkan keterangkuman pengetahuan statistik di Malaysia. DOSM merancang untuk mengadakan Kem Statistik serta meneruskan *Statistics Talk* yang melibatkan pelajar sekolah dan IPT. DOSM turut mengadakan *engagement* serta meneruskan program interaktif untuk meningkat pengetahuan statistik di peringkat responden, ketua masyarakat dan pengamal statistik.
19. NBOS bersama agensi Kerajaan dan swasta turut ditingkatkan sebagai persediaan awal kepada pelaksanaan Banci Penduduk & Perumahan yang dirancang pada tahun 2020. Ini bertujuan untuk mendapatkan komitmen padu dari pelbagai agensi yang terlibat dan respon terbaik dari semua penduduk bagi menjayakan projek nasional ini.
20. Satu lagi projek nasional yang telah diputuskan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pengguna Utama Bilangan 1/2016 bertarikh 9 Mac 2016 adalah kajian semula Sistem Statistik di Malaysia. Pasukan dari World Bank telah dilantik untuk

mengetuai kajian ini mulai November 2016 sehingga April 2017. Kajian ini melibatkan agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri yang terlibat secara langsung dalam penyusunan dan penggunaan statistik rasmi negara. Menjadi satu harapan agar hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada penambahbaikan sistem statistik negara.

21. Akhir kalam, besarlah harapan saya supaya perancangan tahun 2017 dapat membawa perubahan yang lebih signifikan kepada DOSM. Saya yakin dengan usaha berterusan dan semangat padu warga DOSM, Jabatan dapat mencapai lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan untuk manfaat bersama rakyat dan negara. Ini sejajar dengan halatuju Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015-2020.

Selamat Menyambut Tahun Baru 2017.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. HAJI ABDUL RAHMAN HASAN
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
1 JANUARI 2017**

**NEW YEAR 2017 MESSAGE
FROM
CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

Assalamualaikum wm. wb./Salam Sejahtera/Salam 1Statistik

Ladies and Gentlemen,

1. Happy New Year 2017! Alhamdulillah, my utmost gratitude to the gracious Allah Almighty for His blessings, we have graced through year 2016 with success. We will step forward into year 2017 with great enthusiasm and highest commitment to excel further. Indeed, I would like to take this opportunity to wish all of the department's personnel, users, respondents and the statistical community a Happy New Year.
2. The Department of Statistics Malaysia Transformation Plan 2015-2020 has surpassed its second year of its implementation. Last year, DOSM has attained outstanding success and achievements resulting from the high *esprit-de-corp* and accountability of everyone in the Department.
3. To support the implementation of the Transformation Plan, three strategic plans were formulated namely the *Pelan Strategik Teknologi Maklumat* 2016-2020, *Pelan Strategik Institut Latihan Statistik Malaysia* 2016-2020 and *Pelan Integriti* 2016-2020. These strategic documents serve as guidance to the DOSM personnel in achieving the vision to become a leading statistical organisation internationally by 2020.
4. In providing a conducive working environment and elevating the corporate image of the Department, DOSM has successfully obtained certification of *Ekosistem Kondusif Sektor Awam* (EKSA) with distinction from Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) which took effect from 1 July 2016 until 30 June 2018. Besides the Headquarters, the states offices also have obtained this certification.

Ladies and Gentlemen,

5. In 2016, the department has conducted the Economic Census, which covered 700,000 establishments throughout the country. The census which is conducted once in every 5 years collects comprehensive information and provides a new benchmark on the structure of the economy and business activities in Malaysia. On that note, I would like to take this opportunity to express my gratefulness to all respondents who have given fullest cooperation in providing the data to the department.
6. The department also conducted Household Income and Expenditure Survey 2016/2017 from May 2016 until April 2017. The findings of this survey will provide the latest information on household income and expenditures pattern besides to identifying the poverty group and basic amenities accessible to the household in Malaysia. The household expenditure pattern obtained from the survey also will be used in determining latest weightage for the current Consumer Price Index to measure national inflation. I am thankful to the selected respondents who fully support the success of this survey. I also seek the cooperation of those whom will be selected this year.
7. In line with the current users' requirements on Small Area Statistics such as statistics at state and district levels, the department has published the Wholesale and Retail Trade Statistics by district and the statistics are available in the form of interactive database. Furthermore, in 2016, the department has published the various new statistics comprising Core Inflation, Children Statistics, Statistics of International Trade in Services and Statistics on Foreign Affiliates in Malaysia.

Ladies and Gentlemen,

8. On 14 November 2016, DOSM representing the government of Malaysia has bonded an agreement with the International Statistical Institute (ISI) to organise the 62nd World Statistics Congress of the International Statistical Institute (ISI WSC) in Kuala Lumpur in 2019. The Congress which will gather 3,000 statistical practitioners at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) is jointly organise by the Department of Statistics Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) and the Institute of Statistics Malaysia (ISM) with the support of Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB).
9. In ensuring Malaysia is well prepared to become the host for ISI WSC 2019, DOSM together with BNM and ISM has organised Malaysia Statistics Conference (MyStats) 2016 on 15 November 2016. The fourth MyStats with the theme of "Strengthening Statistical Usage for Decisions and Innovation" was attended by more than 500 local and international participants. This conference is the best speaking platform for statisticians, researchers, policy makers and academicians to discuss on compilation, innovation and the use of statistics to support analysis and decision making in a dinamic environment. In addition, DOSM always encorage the personnel to present technical papers in seminars and conferences at national and international levels.
10. To adapt the National Blue Ocean Strategy (NBOS), DOSM has signed three Memorandum of Understanding (MoU) with Universiti Putra Malaysia on 22 February 2016, followed by Pos Malaysia Berhad on 15 March 2016 and the Securities Commission Malaysia on 28 November 2016. To date, DOSM has established a total of 22 MoUs with higher education institution (IPT) and other agencies. Through this collaboration, DOSM can leverage on the administrative

data available at the respective agencies of DOSM's strategic partners. The cooperation with higher education institutions will enhance the use of official statistics among graduates and academicians for research purpose. DOSM will continue to broaden this collaboration with other strategic partners this year.

11. DOSM has become a centre of reference in official statistics and obtained recognition from domestic and foreign agencies. The official visits from private and government research agencies as well as university students provide exposure on the use of official statistics in economic, demographic and social. Meanwhile, study visits from the National Statistical Office (NSO) of other countries such as Cambodia, Laos PDR, Myanmar, Vietnam and Bangladesh provide the avenue for DOSM to share the experience on the governance of statistical system and expertise in specialised areas such as international trade statistics and vital statistics.
12. The Malaysia Statistical Training Institute (ILSM), which is the impetus of human capital development, has continued its excellence by conducting three regional courses in 2016 for the benefit of NSOs in the Asia Pacific. In addition, some officials from DOSM were invited to share their expertise with the NSOs of other countries in the field of Statistical Business Register, External Trade Statistics, Foreign Direct Investment and Data Communication (Infographic).

Ladies and Gentlemen,

13. DOSM continued to leverage the digital world as the main platform in communicating official statistics. In 2016, a total of 282 publications have been uploaded to the DOSM's portal which can be accessed for free by the users. DOSM has introduced infographics in almost all statistical publications effective from March 2016. This initiative marked positive reactions from various users, especially from the Y Gen. The infographics provide storytelling which can be

viralled through the social media and eventually will increase DOSM's product hits and statistical literacy.

14. After 18 months of development process, DOSM has successfully launched the Statistics Data Warehouse (StatsDW) on 30 June 2016. StatsDW is an Enterprise Data Warehouse that stores time-series data as early as 1974, which were compiled by DOSM. This infrastructure provides comprehensive, quick and easy access to the users to fulfil their needs. The StatsDW can be accessed for free via the DOSM's portal.
15. To end the year, Statistics Big Data Analytics (StatsBDA) project was kicked off on 2 December 2016. DOSM will endeavor new frontier in Big Data with Telekom Malaysia (TM). The StatsBDA encompasses six initiatives namely the Trade by Enterprise Characteristics (TEC), Price Intelligence (PI), Public Matuarity Assessment on Official Statistics (PMAOS), Real Time Business Status (RTBS), BizCode @ Stats Mobile Apps and Real Time News on Official Statistics (RTOS). This project will be developed within 18 months and utilise voluminous, high velocity, numerous variety and valuable data sources. The impact of DOSM's StatsBDA will increase the use of new data sources as well as simplify the process of decision making based on facts and produce new products and services.

Ladies and Gentlemen,

16. Effective from 1 January 2017, the new domain address for the official portal of the department is www.dosm.gov.my. The revive of the domain is in line with the branding acronyms of Department of Statistics, Malaysia (DOSM), that is easily recognised by domestic and international users. In addition, the facility of e-Services is newly known as eStatistik in accordance with the slogan Producer of National Statistics.

17. DOSM will produce Economic Census 2016 publications by sector and provide interactive database scheduled to be made available by June 2017. Meanwhile, the Income and Expenditure Survey Report 2016/2017 will be published in October 2017. The latest statistics from both census and survey will be an essential input to the Government in monitoring the impact of the 11th Malaysia Plan.
18. The variety of statistics products published by DOSM will enhance the usage of data among the public. The 'bottom-up' communication is viewed as an effective approach for creating inclusiveness knowledge of statistics in Malaysia. In this regard, DOSM plans to organise Statistics Camps and to continue the Statistics Talk which involved the school and university students. DOSM will continue to have engagements and conduct interactive programmes to elevate statistical knowledge among respondents, community leaders and statistical practitioners.
19. The NBOS with Government agencies and private sectors will be expanded for the preparation of the Population and Housing Census which is planned in 2020. The aim is to acquire full commitments from various agencies involved and high response from the people to ensure the success of this national project.
20. The review of the statistical system in Malaysia is another national project which was agreed upon during the meeting of the Main Users Committee on 9 March 2016. The review team from World Bank was appointed to lead the project commenced from November 2016 until April 2017. The study involved government agencies at Federal and State levels who are directly involved in the compilation and use of the country's official statistics. It is envisaged that the results of this study will significantly uplift the national statistical system.
21. Finally, my fervent hope that the 2017 yearly plan will lead to more significant changes for DOSM. I am confident that with continuous efforts and enthusiasm

of DOSM's staffs, the Department will be able to achieve more success and excellence for the benefit of the people and the country. This is in tandem with the direction of the Department of Statistics Malaysia Transformation Plan 2015-2020.

Happy New Year 2017

Thank you

DATUK DR. HAJI ABDUL RAHMAN HASAN

CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

1 JANUARI 2017